



13 APR, 2025

## Memperkuuh perbukuan negara

Sinar Harian, Malaysia



# Memperkuuh perbukuan negara



LINGKARAN  
SENI  
MANA SIKANA

Sering dibincangkan tentang kedudukan buku dalam zaman sains dan teknologi digital ini. Buku-buku yang berbentuk fizikal telah mendapat tantangan daripada buku digital seperti e-book. Apa pun ia banyak bergantung kepada minat membaca. Meski sains dan teknologi ingin menjadi raja, tetapi masyarakat umum masih ramai yang terpaut hatinya pada pembacaan buku fizikal.

Sebagai contoh dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, boleh dikatakan mendapat sambutan. Begitu juga Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) sama ramai khalayaknya.

Saya ialah salah seorang pembicara dalam majlis wacana sastera SIBF 2024. Sempat berpindah dari sebuah reruai ke reruai yang lain sambil bertemu bual tentang penerbitan dan penjualan buku. Ternyata buku yang berbentuk fizikal masih diminati dalam konteks perbukuan di Malaysia. Tidak ada tanda-tanda kedudukannya akan tercabar atau terkalahkan oleh e-book.

Salah satu usaha untuk menggalakkan pembacaan adalah mewujudkan Hentian Buku Selangor di Kompleks Hentian Bas Kajang. Asal inisiatifnya dimulakan oleh Pertubuhan Kota Buku Bangi pada 2016 di tempat letak kereta Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor di Hulu Langat. Kemudiannya berkembang ke Bazar Karat Streetmall Bangi Gateway pada 2019 sebelum berpindah ke Hentian Bas Kajang pada 2024.

Di sini para pengunjung boleh menjual atau membeli buku yang diminati sesama sendiri. Bergerak secara mingguan ia berjaya menarik perhatian ramai dengan 10 kios, reruai dan warung buku yang beroperasi secara konsisten.

Ada pandangan menyatakan Hentian Bas Kajang juga bakal menjadi destinasi terbaik untuk mereka mencari pelbagai jenis buku, termasuk buku-buku terpakai yang mungkin diperlukan bagi

bidang profesional. Kedudukannya yang strategik dikelilingi oleh institusi pendidikan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia dan Universiti Tenaga Nasional. Para mahasiswa dan akademia akan menjadikannya tempat yang baik untuk dilawati pada penghujung minggu.

Pada masa sama, negara telah menubuhkan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, berdasarkan kepada perakuan UNESCO yang menyarankan penubuhan sebuah badan khas yang bertanggungjawab untuk mengembangkan minat membaca dan memajukan perusahaan buku dalam kalangan negara-negara membangun.

### Karangkraf

Ahli-ahli majlis dianggotai oleh wakil-wakil daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan, persatuan-persatuan industri dan badan-badan bukan kerajaan yang ada hubungan dengan perusahaan dan kemajuan buku.

Selain itu, MBKM juga berusaha mempromosikan buku-buku Malaysia bersama-sama dengan penerbit dan pengusaha industri buku tempatan pada peringkat antarabangsa melalui pertemuan Malaysia dalam pesta-pesta buku di luar negara.

Selain daripada usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), yang terus-menerus menerbitkan buku pelbagai genre buku umum, terutamanya buku sastera dan bahasa, pelbagai penerbit lain juga berusaha menerbitkan buku. Berpandukan kepada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pesta Buku Antarabangsa Selangor, banyak sekali reruaian yang menempatkan buku-buku penerbitan umum. Antara penerbit yang terkenal ialah Penerbit Karangkraf, Arowana, Alaf 21, Nusa Centre dan lain-lainnya.

Nusa Centre adalah milik sasterawan tersohor S.M. Zakir, yang banyak menerbitkan buku sastera dan umum. Pernah menerbit buku kumpulan cerpen saya iaitu *Cinta Junjungan* pada 2022, yang berisi dengan teks eksperimental metasejarah. Kumpulan ini memenangi kategori Kumpulan Cerpen Hadiah Sastera Darul Ridzuan ke-8.

Di samping itu dunia sastera tanah air kita agak beruntung, justeru banyak-



Masih ramai masyarakat umum yang terpaut hati pada pembacaan buku fizikal.

nya usaha apa yang dinamakan sebagai penerbit Indie. Ia merupakan penerbit independen atau penerbit alternatif yang menerbitkan buku pelbagai jenis dan genre. Bergerak secara solo, menghasilkan karya seperti sajak, cerpen dan novel, menyunting dan mencetaknya.

Tentu sahaja mekanisme penerbitan sedemikian, berjalan cepat dan tangkas, mengalahkan penerbitan yang sudah mapan yang kadang-kadang sampai empat tahun terkial-kial dalam persiapannya. Cuma, yang sering dimomokkan penerbitan Indie yang bersifat *loner ranger* itu, dari segi mutu, terutamanya suntingannya agak lemah. Bagaimanapun terdapat penerbit Indie ini yang telah menerbitkan buku yang bermutu.

### Buku bermutu

Buku yang bermutu dewasa ini banyak diterbitkan oleh para penerbit pusat pengajian tinggi. Setiap universiti seperti UKM, Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris memiliki penerbitannya sendiri. Menyelenggara manuskrip bermutu hasil tulisan para akademianya dalam pelbagai jurusan fakultas dan keilmuan, dengan gaya suntingan yang sistematis dan halus, serta reka bentuk kulit buku yang menarik, teks-teksnya terhasil dengan sempurna.

Malah, universiti yang disifatkan masih baru seperti Universiti Malaysia Kelantan menerbitkan buku-buku yang berkaitan dengan kursus-kursus dan modul pengajarannya. Di samping itu ia berani menerbitkan buku sastera, terutamanya teori sastera.

Sebuah buku saya, *Teori Sastera Yang Paling Berpengaruh Dalam Sastera Melayu* telah diterbitkan 2024. Meneriknya, jualannya agak laris, kebanyakan universiti yang mempunyai kursus teori dan kritikan sastera telah membeli buku ini. Ia disusun mengikut kursus teori sastera selama dua belas minggu dengan dipilih dua belas teori sastera yang berpengaruh dan relevan dengan pengajaran.

Daripada tanda-tanda yang ditunjukkan, perbukuan di Malaysia akan terus berkembang. Bagi saya buku-buku digital, jangan dianggap sebagai musuh, kerana ia tetap sebuah mekanisme penerbitan yang akan memperkuuh perbukuan negara.

Selamanya penerbitan buku secara manual akan terus dilanjutkan usianya, kerana hayatnya masih dituntut berterusan sejak zaman klasik hingga ke zaman pascamoden ini.

\* Mana Sikana ialah nama pena Dr Abdul Rahman Napiah. Beliau ialah pengkritik, pengkaji dan panteori sastera terkenal Malaysia